

Mahathir yakin boleh bekerjasama

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin beliau dan rakan Kabinetnya dapat bekerjasama dengan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam jika mereka menerima pelawaan jawatan sebagai Menteri Tak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini kedua-dua bekas pemimpin itu pernah bekerja dengannya dalam Kabinet dan oleh itu tidak seharusnya timbul masalah.

“Walaupun sebelum ini kedua-dua pihak saling kecam-mengecam dan melemparkan tuduhan antara satu sama lain secara terbuka, ini tidak menjadi halangan untuk kita bersama demi perpaduan.

“Kita dulu pun mengecam SUPP dan Gerakan, tetapi kedua-dua parti itu sanggup menyertai kita,” katanya dalam sidang akhbar sebagai menjelaskan mengenai pengumuman yang dibuatnya di akhir Perhimpunan Agung Umno di sini, petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau sudah berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba mengenai perlantikan kedua-dua bekas pemimpin itu sebelum perhimpunan.

“Perlantikan itu adalah hak saya sebagai Perdana Menteri. Saya akui bahawa saya tidak berunding terlebih dahulu dengan rakan Kabinet dan Majlis Tertinggi mengenai perlantikan ini,” katanya.

Beliau berkata, pelawaan jawatan berkenaan kepada Datuk Musa dan Tengku Razaleigh tidak ditetapkan tempohnya atau sebarang syarat.